

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SAU303 - Isu-Isu Semasa Dalam Budaya dan Masyarakat/
SAW406 - Isu-Isu Dalam Budaya dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Soalan dalam Bahagian A adalah wajib. Jawab DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

Wajib dijawab.

1. Proses globalisasi di Asia telah menimbulkan debat sama ada Asia boleh menguasai sebarang perubahan dan transformasi ekonomi, politik dan sosial yang wujud. Bincangkan debat ini dengan menggunakan contoh-contoh kontemporari. (100 markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Isu keetnikan kerap kali menimbulkan masalah di kalangan masyarakat minoriti dalam konteks budaya beraneka. Sejauhmanakah Malaysia dapat melindungi hak-hak masyarakat Orang Asli dan pribumi lain dan apakah perbezaan masalah mereka dengan kaum-kaum etnik pendatang yang lain, seperti Cina Nanyang dan India? (100 markah)

...2/-

3. Wanita di masyarakat Barat dan Timur di pinggirkan dalam arus perindustrian dan pemodenan. Mengapakah perkara ini masih lagi terjadi dan bersetujukah anda bahawa alaf baru adalah alaf wanita?
(100 markah)

4. Apakah baik-buruknya perkembangan teknologi matlamat dalam rantau Asia di mana perolehan ilmu dan matlumat masih lagi ditentukan oleh kelas, gender dan kawasan?
(100 markah)

5. Sistem kekeluargaan dan persanakan boleh mengubah mengikut corak dan fungsi dalam keadaan perindustrian tetapi masih lagi mencerminkan unsur-unsur perpaduan dan kekerabatan yang kukuh. Bincangkan transformasi-transformasi sosial yang wujud dalam sistem kekeluargaan beberapa dekad yang lalu sehingga sekarang.
(100 markah)

6. Kegawatan ekonomi di Asia Tenggara dan Asia Timur menimbulkan kesedaran bagaimana pentingnya Asia sekali lagi mengukuhkan pendiriannya sebagai rantau yang bebas dalam kewangan, pengeluaran dan pasaran. Bincangkan isu ini dari segi masalah geo-politik, ekonomi dan budaya Asia.
(100 markah)

- oo o0o oo -